

# Pengguna media sosial perlu bijak saring maklumat

Saya merujuk tulisan Mechella dari UPSI bertajuk 'Tangani segera penyebaran isu sensitif' di ruangan forum BH 14 Mei lalu.

Lazimnya penggunaan laman media sosial seperti Facebook, blog dan Twitter berasal dari *user-generated contents*, bermaksud pengguna bebas untuk berkongsi maklumat, memuat turun perkongsian, berniaga dalam talian dan sebagainya.

Di Malaysia, kita tidak mengenakan sebarang sekatan kerana tiada sistem kawalan kepada pengguna untuk berkongsi sebarang status umpamanya di Facebook sehinggalah status yang dipaparkan boleh menimbulkan sentimen agama, perkau-man dan hasutan.

Kerajaan hanya bertindak terhadap apa yang sudah tersiar berdasarkan akta yang sedia ada seperti Akta Hasutan 1948 dan Akta Mesin Cetak dan Penerbitan 1984.

Penggunaan media sosial begitu meluas dalam kalangan muda khususnya selepas Pilihan Raya Umum Ke-12 (PRU-12) pada 2008 sehinggalah yang terbaru PRU-13. Tak salah untuk kita mencari maklumat tambahan tapi jangan terperangkap dengan hasutan dan fitnah.

Kita tidak mahu budaya asal baca terus *share* ini menjadi ikut-ikutan dan tradisi kerana boleh menyebabkan mereka menerima fakta membuta tuli tanpa usul periksa.

**Muhammad Hasif Idris,**  
Universiti Sains Islam Malaysia